

JABATAN RADIOLOGI


1. PENGENALAN

Jabatan Radiologi terletak di tingkat bawah Bangunan Utama, Hospital Sultanah Nur Zahirah. Terdapat 3 lagi unit yang terletak di Jabatan Kecemasan dan Trauma, Kompleks Rawatan Harian (ACC) dan Kompleks Rawatan Ibu dan Anak (PRIBA).

2. OBJEKTIF

Menghasilkan radiograf yang bermutu diagnostik, melakukan prosedur-prosedur intervensi diagnostik dan terapeutik serta memberi laporan yang tepat dan cepat ke atas pemeriksaan radiologi.

3. CARTA ORAGINISASI



4. SKOP PERKHIDMATAN

Antara perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan:

- Radiografi Am
- Radiografi Pergigian (OPG,CBCT)
- Fluoroskopi
- Ultrasound
- CT Scan
- MRI
- Mammografi
- Radiologi Intervensi
- Radiologi Forensik
- Bone Densitometry (DEXA)

5. JADUAL PERKHIDMATAN

Secara umum, perkhidmatan radiologi adalah pada waktu pejabat *kecuali* bagi kes-kes kecemasan.

JABATAN UTAMA	
Waktu operasi : Waktu pejabat Selepas waktu pejabat	8.00 pagi – 5.00 petang (Ahad – Rabu) 8.00 pagi – 3.30 petang (Khamis) Kes-kes kecemasan dan pesakit dalam.
UNIT RADIOLOGI, KOMPLEKS RAWATAN HARIAN (ACC)	
Waktu operasi Tutup	8.15 pagi – 4.45 petang (Ahad – Rabu) 8.15 pagi – 3.15 petang (Khamis) Jumaat/Sabtu/Kelepasan Am
UNIT RADIOLOGI, JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA	
Waktu operasi	24 jam (Ahad – Sabtu)
UNIT RADIOLOGI, KOMPLEKS RAWATAN IBU DAN ANAK (PRIBA)	
Waktu operasi	24 jam (Ahad – Sabtu)

6. LOKASI PERKHIDMATAN

TEMPAT	LOKASI
Jabatan Utama	- Tingkat bawah Bangunan Utama.
Unit X-Ray Jabatan Kecemasan dan Trauma	- Kompleks Kecemasan dan Trauma
Unit X-Ray ACC	- Kompleks Rawatan Harian
Unit X-Ray PRIBA	- Kompleks Rawatan Ibu Dan Anak
Periferi	- Dewan Bedah (Bangunan Utama) - Unit Endoskopi (Kompleks Rawatan Harian) - Kompleks Psiakatri - Jabatan Forensik

7. TEMUJANJI

Semua Pemeriksaan Khas seperti Fluoroskopi, CT Scan, Ultrasound, MRI, Mammografi, Radiologi Intervensi dan DEXA memerlukan tarikh temujanji. Pemberian tarikh temujanji akan diberikan oleh Juru X-Ray Temujanji berdasarkan keutamaan dan kekosongan slot temujanji dimana permohonan Pemeriksaan Khas perlu diverifikasi oleh Pakar disiplin yang berkaitan. Tarikh temujanji juga diberikan bergantung kepada status verifikasi yang diberikan oleh Pakar Radiologi. Pakar/ Pegawai Perubatan yang merujuk perlu berbincang

dengan Pakar Radiologi terlebih dahulu sekiranya pemeriksaan tersebut *urgent*/perlu dilakukan dengan segera.

Sebarang pertanyaan berkenaan temujanji sila hubungi Juru X-Ray Temujanji yang bertugas di talian 09-6212121 sambungan 2820.

8. FAQ

1	Soalan	Adakah x-ray berbahaya?
	Jawapan	Ya. Penggunaan x-ray tidak harus dipraktikkan kecuali penggunaannya mendatangkan faedah yang ketara
2	Soalan	Berapakah dos radiasi yang saya terima bagi setiap pemeriksaan x-ray
	Jawapan	Bergantung pada jenis pemeriksaan dan faktor dedahannya. Dos pemeriksaan x-ray adalah kecil berbanding dengan dos pemeriksaan fluoroskopi dan CT Scan.
3	Soalan	Saya baru sahaja menjalani pemeriksaan x-ray. Bolehkah saya sekali lagi melakukan pemeriksaan x-ray. Adakah ia memudaratkan?
	Jawapan	Tidak memudaratkan jika dos yang diterima tidak melebihi had dos maksimayang dibenarkan. Dos maksima yang disyorkan oleh Badan Pengamal Antarabangsa IRCP bagi orang awam adalah 1mSv setahun. Ini bersamaan dengan 50 kali x-ray dada (1 x-ray dada bersamaan 0.02 mSv).
4	Soalan	Bolehkah pemeriksaan x-ray dilakukan keatas wanita yang sedang hamil?
	Jawapan	Tidak digalakkan kecuali tiada pilihan atau pemeriksaan tidak boleh ditangguhkan . Dalam keadaan begini , alat perlindungan pada janin akan diberikan jika bahagian yang di x-ray tidak melibatkan bahagian abdomen,pinggul dan tulang belakang.
5	Soalan	Apakah yang dimaksudkan pemeriksaan am dan pemeriksaan khas?
	Jawapan	Pemeriksaan am adalah pemeriksaan x-ray biasa manakala pemeriksaan khas adalah melibatkan penggunaan media kontras atau peralatan (modaliti) yang khusus seperti Fluoroskopi, CT Scan, Ultrasound, MRI, Mammografi, Radiologi Intervensi dan DEXA.
6	Soalan	Apakah dimaksudkan dengan media kontras?
	Jawapan	Cecair yang disuntik ke dalam tubuh melalui salur darah atau melalui oral bagi membezakan tisu atau organ pemeriksaan seperti fluoroskopi, CT Scan dan MRI.

7	Soalan	Apakah maksud pemeriksaan Fluoroskopi?
	Jawapan	Pemeriksaan Fluoroskopi adalah sejenis pemeriksaan x-ray khas pada bahagian dalaman tubuh dan dapat dilihat secara terus (<i>live</i>).
8	Soalan	Apakah maksud pemeriksaan Mammografi?
	Jawapan	Pemeriksaan Mammografi adalah satu pemeriksaan khas yang menggunakan x-ray pada bahagian payu dara bagi mengesan ketumbuhan atau barah pada peringkat awal.
9	Soalan	Apakah maksud pemeriksaan CT Scan?
	Jawapan	Pemeriksaan CT Scan adalah satu pemeriksaan khas yang menggunakan x-ray dan sistem komputer bagi menghasilkan imej dalam format digital.
10	Soalan	Apakah maksud pemeriksaan MRI?
	Jawapan	Pemeriksaan MRI adalah satu pemeriksaan khas yang menggunakan magnet dan sistem komputer untuk menghasilkan imej dalam format digital.
11	Soalan	Apakah maksud pemeriksaan Ultrasound?
	Jawapan	Pemeriksaan Ultrasound adalah satu pemeriksaan khas yang menggunakan gelombang bunyi berfrekuensi tinggi bagi menghasilkan imej dalam format digital.
12	Soalan	Adakah pemeriksaan MRI dan Ultrasound sama berbahaya dengan pemeriksaan x-ray atau CT Scan?
	Jawapan	Tidak. Ini kerana pemeriksaan MRI dan Ultrasound tidak menggunakan x-ray atau sebarang jenis sinaran mengion. MRI menggunakan magnet manakala Ultrasound menggunakan gelombang bunyi.

9. AKTIVITI JABATAN

Kempen Saringan Mammografi (Kempen Tahunan)

Kempen secara tahunan ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang pentingnya saringan awal kanser payudara melalui pemeriksaan mammogram. Kempen ini dijalankan 2 kali setahun oleh Penyelaras dan Ketua Modaliti Mammografi Jabatan Radiologi.




Kempen Saringan Mammografi pada 7 Jun 2023 bertempat di Klinik Kesihatan Marang



Kempen Saringan Mammografi Bersempena Sambutan *Pink October* pada 25 Oktober 2023 bertempat di Ruang Lobi, Kompleks Rawatan Harian, HSNZ

10. GAMBAR PERALATAN

MRI 1.5 Tesla



Fluoroskopi



CT Scan 320 Detector



Ultrasound



Mammografi



DEXA



Cone Beam CT (CBCT)



Mesin X-ray Statik DDR



Mesin X-ray Mobile DDR

